

PM harap Puteri UMNO mampu tawan Kelantan, Terengganu

UM 15 APR 2007

BANGI 14 April — Presiden UMNO, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, beliau menaruh harapan besar ke atas sayap baru parti berkenaan, Puteri UMNO untuk menawan kembali Kelantan dan Terengganu yang kini dikuasai oleh parti pembangkang.

Beliau berkata, berdasarkan pilihan raya kecil lalu membatikan kerusi Dewan Undangan Negeri Ketari jelas menunjukkan Puteri UMNO mempunyai pengaruh dan dapat menawan hati pengundi untuk menyokong UMNO.

“Sebenarnya saya menaruh harapan besar kepada Puteri UMNO,” katanya sebagai menjawab soalan seorang peserta pada sesi dialog sempena Majlis Penutup Kursus Perdana Generasi Wanita Prihatin di sini hari ini.

Kursus lima hari anjuran Puteri UMNO itu dihadiri oleh lebih 1,000 ahli Puteri dari seluruh negara.

Menurut Perdana Menteri, harapan itu tidak bermakna beliau hendak mengenyahkan sumbangan Pergerakan Wanita dan pihak-pihak lain.

Yang jelas kepada kita, Puteri telah dapat menawan pengundi untuk menyokong UMNO seperti mana yang telah

dilakukan dalam pilihan raya kecil lalu seperti di Ketari,” katanya.

Sehubungan itu, Dr. Mahathir menggesa Puteri UMNO supaya terus berusaha dengan lebih gigih bagi menjamin kejayaan parti pada pilihan raya umum akan datang.

Katanya, Puteri juga tidak perlu takut dengan ancaman daripada parti pembangkang kerana ia berada di pihak yang benar.

Toleransi

Sebelum itu, ketika berucap pada majlis penutup kursus berkenaan, Dr. Mahathir menasihati semua ahli Puteri supaya mengamalkan sikap toleransi terhadap pemimpin mereka.

Menurut beliau, ahli di semua peringkat perlu memberi kesetiaan kepada pemimpin-pemimpin yang telah dilantik dan tidak terlalu mementingkan perkara remeh sehingga boleh menggugat kepemimpinan sedia ada.

“Apa yang penting ialah perjuangan parti dapat dimajukan untuk kepentingan bangsa. Jika itu dapat dilakukan oleh pemimpin tersebut maka perkara-perkara lain perlu kita ketepikan,” katanya.